



## **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

### **MAKLUM BALAS MEDIA**

#### **WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) SECARA RINTIS DI KEMENTERIAN/ JABATAN PERSEKUTUAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN (KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA) PERLIS, PERAK, SELANGOR, JOHOR, TERENGGANU, SABAH DAN SARAWAK**

---

#### **Latar Belakang WBF**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) secara rintis akan dilaksanakan mulai pada 1 Mac 2019 seperti yang diputuskan melalui Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertajuk Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Secara Rintis di Kementerian/ Jabatan Persekutuan di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak bertarikh 25 Februari 2019. Walau bagaimanapun, bagi negeri Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak, jabatan yang terlibat hanyalah di Jabatan Persekutuan di peringkat negeri sahaja.

Elemen fleksibiliti bagi waktu bekerja dalam perkhidmatan awam telah mula dilaksanakan sejak tahun 1998 apabila Kerajaan memperkenalkan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB). Pada masa kini, WBB yang telah ditetapkan adalah sepertimana dalam Perkeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2017 (PP4/2017) yang menggunakan empat (4) Waktu Peringkat (WP) iaitu WP1, WP2, WP3, dan WP4.

Keputusan pelaksanaan WBF secara rintis ini telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Pelaksanaan ini merupakan salah satu penambahbaikan untuk penjawat awam dalam mengimbangi persekitaran kerja sedia ada dan masa bersama keluarga. Oleh itu, melalui pelaksanaan projek rintis ini diharapkan dapat mengukur kesesuaian dan penerimaan penjawat awam terhadap WBF.

### **Kaedah Pelaksanaan WBF**

Sehubungan itu, tempoh WBF ini akan dilaksanakan secara rintis dan berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. WBF ini juga dilaksanakan mengikut waktu kerja Pejabat yang fleksibel di mana pegawai boleh hadir dan pulang mengikut tempoh masa dengan syarat memenuhi tempoh waktu bekerja sehari sepertimana Jadual 1 yang dinyatakan di bawah;

<b>Negeri</b>	<b>Hari</b>	<b>Waktu Masuk (Pagi)</b>	<b>Waktu Keluar (Petang)</b>	<b>Tempoh Waktu Bekerja Yang Perlu Dipatuhi</b>
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) Perlis, Perak, Selangor, Sabah dan Sarawak	Isnin – Jumaat	7.30 – 8.30	4.30 – 5.30	9 jam
Johor dan Terengganu	Ahad – Rabu	7.30 – 8.30	4.30 – 5.30	9 jam
	Khamis	7.30 – 8.30	3.00 – 4.00	7 jam 30 minit

**Jadual 1: Hari dan Tempoh Waktu Bekerja.**

Bagi mendapatkan maklumat penuh mengenai Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertajuk Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Secara Rintis di Kementerian/ Jabatan Persekutuan di Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya) Perlis, Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak bertarikh 25 Februari 2019 boleh didapati melalui laman sesawang JPA di pautan [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my).

#####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 26 Februari 2019  
Tel : 03 - 8885 3088/ 3096  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2( 24 )